

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

**PHARMANIAGA NAHI JUAL TOPENG HIDUNG DAN MULUT MELEBIHI
HARGA PASARAN DAN TIDAK MENGENDAHKAN ARAHAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

SHAH ALAM, 26 MAC 2020 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) ingin merujuk kepada sebaran maklumat melalui WhatsApp mengenai ada pihak-pihak mendakwa daripada Pharmaniaga dan menjual topeng hidung dan mulut kepada orang awam pada harga yang melebihi harga siling ditetapkan oleh Kerajaan dan tidak mengendahkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan.

Pharmaniaga menafikan sekeras-kerasnya dakwaan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu yang memperdayakan orang awam dengan menggunakan nama syarikat. Pharmaniaga tidak pernah melantik sesiapa menjadi ejen menjual topeng hidung dan mulut kepada orang awam kecuali :

- a. Penjualan atas talian di laman sesawang www.royalepharma.com
- b. Penjualan di rangkaian farmasi dan *alliance* RoyalePharma.

Kesemua jualan topeng hidung dan mulut oleh Pharmaniaga adalah mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pharmaniaga amat kesal dengan perbuatan penipuan pihak-pihak tersebut dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang tegas.

Sebarang maklumat berhubung perkara ini, boleh hubungi Talian Khidmat Pelanggan Pharmaniaga 1-800-888-313 atau e-mail ke comms@pharmaniaga.com.

Tamat